

19/01/2001

Bekas menteri dilantik penasihat agama PM

GEORGETOWN, Khamis - Bekas Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Abdul Hamid Othman dilantik sebagai Penasihat Agama kepada Perdana Menteri dan menikmati semua keistimewaan yang diterimanya sebelum ini.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengesahkan Abdul Hamid menerima surat pelantikan itu daripada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Ya, beliau (Abdul Hamid) menerima surat pelantikan daripada Perdana Menteri, semalam.

"Pelantikan itu berkuatkuasa mulai semalam kerana beliau tidak perlu mengangkat sumpah di Parlimen," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Umno Pulau Pinang di Bangunan Umno negeri di sini, petang ini.

Beliau ditanya bagi mengesahkan spekulasi Abdul Hamid yang melepaskan jawatan Kabinetnya baru-baru ini, akan dilantik Penasihat Agama kepada Perdana Menteri.

Ditanya bidang tugas Abdul Hamid, Abdullah berkata, ia berkaitan Islam.

Kepada soalan sama ada pelantikan itu adalah sebab Abdul Hamid meletak jawatan daripada Kabinet, katanya:

"Itu beliau tak bagi tahu saya. Yang penting peranan (baru) yang akan dimain adalah penting dan besar."

(END)